

**MINIT MESYUARAT BULANAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BERSAMA APARTMENT DAN KEDAI
SEKSYEN 7 LESTARI PERDANA BAGI BULAN SEPTEMBER 2011**

- TARIKH** : 13 OKTOBER 2011 (KHAMIS)
- MASA** : 09.30 MALAM – 10.30 MALAM
- TEMPAT** : PEJABAT BADAN PENGURUSAN BERSAMA
- KEHADIRAN** : Encik Mohd Khazimi Bin Ismail (Pengerusi)
Puan Siti Radziah Binti Alip (Setiausaha)
Haji Mohd Noor Bin Jusoh (Bendahari)
Encik Mohamad Bin Ibrahim
Puan Fuziah Hanim Binti Sulaiman
- TIDAK HADIR** : Haji Mohd Noor Bin Jusoh (Bendahari)

Encik Megat Hishamuddin Bin Megat Othman

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Pengerusi memulakan mesyuarat dengan ucapan salam dan ucapan terima kasih di atas kehadiran Ahli Jawatankuasa Pengurusan bersama (JMC) penduduk untuk menjayakan mesyuarat bulanan pada kali ini.

2.0 UCAPAN PEMBUKAAN OLEH PENERUSI

- 2.1 Encik Mohd Khazimi bin Ismail selaku pengerusi memaklumkan bahawa surat kelulusan pembinaan gelanggang futsal 1 Malaysia telah diterima dari Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) yang mana kos pembinaan ditanggung sepenuhnya oleh Kementerian Belia dan Sukan yang disalurkan melalui Jabatan Belia dan Sukan Negeri Selangor.
- 2.2 Pengerusi juga memaklumkan bahawa beliau difahamkan YAB Dato Seri Najib Bin Abdul Razak, Perdana Menteri akan membuat lawatan pada bulan November ke kawasan Bandar Putra Permai dan mencadangkan beberapa masalah di kawasan ini untuk dikemukakan kepada YAB Perdana Menteri sekiranya benar Perdana Menteri akan membuat lawatan ke kawasan ini. Sehingga kini tiada maklumat tepat diperolehi.

3.0 AGENDA MESYUARAT

- 3.1 Mesyuarat bulan lepas telah memutuskan untuk mengadakan mesyuarat agong pada 30 Oktober 2011 dan beberapa agenda penting yang akan diusulkan ialah mencadangkan pengurangan bayaran bil penyelenggaraan sebanyak lima puluh peratus ke atas unit kedai tetapi dengan syarat kedai tersebut beroperasi dengan memiliki lesen yang sah serta tidak menimbulkan kacau ganggu kepada penduduk dan juga tempat letak kereta serta mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Badan Pengurusan. Bagi

premis yang melanggar peraturan dan garis panduan yang ditetapkan serta tidak mempunyai lesen yang sah, dicadangkan supaya dikenakan caj tambahan sebanyak seratus peratus. Selain itu juga dicadangkan rumah sampah untuk sampah pukal dibina, memansuhkan parking khas kerana menimbulkan masalah kepada penduduk.

- 3.2 Beberapa perkara lain yang perlu diambil perhatian antaranya ialah cadangan untuk mewujudkan klinik 1 Malaysia, Masalah Pengangkutan Awam, tempat riadah dan permainan kanak-kanak,
- 3.3 Mesyuarat memutuskan untuk mempertingkatkan produktiviti dan khidmat kepada penduduk oleh kakitangan pejabat dengan mengamalkan sistem pembayaran gaji berasaskan produktiviti dan kemahiran yang ada pada seseorang kakitangan. Pembayaran gaji hanya akan dibuat berdasarkan kerja yang dihasilkan. Kakitangan wajib mengisi borang setiap hari dengan mencatatkan hasil kerja yang telah dilaksanakan. Borang tersebut diguna pakai semasa membuat tuntutan gaji. Setiausaha dan Bendahari diarahkan supaya tidak menandatangani cek sekiranya borang tersebut gagal dilampirkan semasa penyediaan baucar.
- 3.4 Mesyuarat juga bersetuju untuk mengambil tindakan terhadap kakitangan yang cuai dan setiap kecuai yang mereka lakukan adalah dibawah tanggungjawab mereka. Pengerusi juga memaklumkan kakitangan sebelum ini telah cuai dalam melaksanakan tugas sehingga menyebabkan kehilangan kepada harta milik penyewa yang menyewa unit no E-1-017-B. Kertas siasatan telah dikeluarkan dan sekiranya perlu kes tersebut akan diserahkan kepada pihak yang bertanggungjawab untuk menyelesaikannya.

4.0 HAL HAL LAIN

- 4.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa terdapat maklumat di pejabat telah disebar luaskan kepada orang yang tidak mempunyai hak untuk mengetahui perkara tersebut. Mesyuarat memutuskan supaya sesiapa yang didapati melakukan tindakan tersebut akan diambil tindakan dipecat serta merta dari melaksanakan tugas mereka kerana tidak amanah. Kakitangan yang tidak memberi komitmen dan cuai kepada tugas mereka sehingga menyebabkan kerugian kepada badan pengurusan juga perlu diambil tindakan yang sama.
- 4.2 Mesyuarat juga dimaklumkan KRT akan mengadakan program berkhatan pada musin cuti sekolah.
- 4.3 Mesyuarat sebelum ini bersetuju untuk menyerahkan urusan tempat letak kereta kepada persatuan penduduk ditarik balik kerana persatuan penduduk tidak dapat memberi komitmen untuk menyelesaikan masalah melibatkan tempat letak kereta penduduk. En Hairi Ibrahim memaklumkan pelekat kenderaan yang dikeluarkan oleh persatuan penduduk adalah sebagai pengenalan kepada penduduk yang menjadi ahli persatuan penduduk.

4.4 Mesyuarat memutuskan untuk membincangkan tuntutan yang dibuat oleh pemilik apartment dalam mesyuarat agong pada 30 Oktober nanti memandangkan ini adalah kes pertama dan melibatkan jumlah yang besar

4.5 Mesyuarat ditangguhkan jam 10.30 malam

Disediakan Oleh

Disahkan oleh

Siti Radziah binti Alip

Mohd khazimi Bin Ismail

(Setiausaha)

(Pengerusi)